



ASB

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

NOTIS PENTING

Mulai April 2018, penghantaran penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim bagi kesemua tabung unit amanah ASNB adalah secara elektronik kepada semua pemegang unit. Penyata pengagihan pendapatan akan dihantar ke alamat e-mel yang berdaftar dengan ASNB, manakala laporan tahunan dan/atau laporan interim boleh diakses melalui laman web ASNB www.asnb.com.my.

Pemegang unit/penjaga berdaftar boleh membuat permohonan untuk mendapatkan penyata pengagihan pendapatan secara fizikal dengan menghadirkan diri ke cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara atau dengan melaksanakan cetakan layan diri melalui ASNB Portal.

Bagi pemegang unit yang telah memaklumkan kepada pihak ASNB secara bertulis untuk menerima penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara fizikal, dokumen tersebut akan dihantar melalui pos ke alamat pemegang unit yang berdaftar dengan ASNB dalam tempoh dua bulan selepas tahun kewangan berakhir atau tempoh interim.

Pemegang unit/penjaga berdaftar juga boleh membatalkan persetujuan yang telah dibuat bagi penerimaan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan/atau laporan interim secara elektronik pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada ASNB secara bertulis dengan menyatakan maklumat pemegang unit iaitu nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat surat menyurat, alamat emel dan nombor ahli bagi mana-mana produk ASNB ke cawangan ASNB yang berhampiran atau, e-mel ke asnbcare@pnb.com.my.

Terima Kasih.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Pusat Khidmat Pelanggan ASNB
Di talian 03-7730 8899 atau emel ke asnbcare@pnb.com.my

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka surat
I.	Maklumat Tabung	3
II.	Prestasi Tabung	4
III.	Laporan Pengurus	9
IV.	Penyata Pengurus	15
V.	Penyataan Pemegang Amanah	16
VI.	Laporan Juruaudit Bebas	17
VII.	Penyata Kewangan	
	A. Penyata Untung atau Rugi	20
	B. Penyata Pendapatan Komprehensif	21
	C. Penyata Aliran Tunai	22
	D. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	23
VIII.	Alamat Cawangan ASNB	33
IX.	Maklumat Korporat	-

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("ASB")**



Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Bumiputera, "ASB", yang dihormati, AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

I. MAKLUMAT TABUNG

A. KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Bumiputera "ASB"	Aset Campuran	Pendapatan

B. OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

Nota: ASB bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garispanduan Unit Amanah.

C. PENANDA ARAS TABUNG

ASB menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan ("Maybank 12 bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

D. POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

E. PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2019, seramai **10,023,988** individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	7,733,561	77.15	4,276,412,254.38	2.57
5,001 hingga 10,000	451,352	4.50	3,060,606,734.47	1.84
10,001 hingga 50,000	900,482	8.98	21,165,919,270.95	12.70
50,001 hingga 500,000	912,793	9.11	117,591,144,220.95	70.53
500,001 dan ke atas	25,800	0.26	20,599,602,453.03	12.36
JUMLAH	10,023,988	100.00	166,693,684,933.78	100.00

II. PRESTASI TABUNG

A. PERUMPUKAN ASET

1. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2019	2018	2017
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	8.25	8.22	10.17
Barangan bukan asasi pengguna	2.68	2.14	1.86
Barangan asasi pengguna	14.25	11.83	13.84
Tenaga	3.46	1.42	2.02
Kewangan	26.17	27.55	26.25
Penjagaan kesihatan	1.92	1.18	0.65
Perindustrian	7.12	7.93	7.15
Teknologi maklumat	0.74	0.21	0.01
Bahan Asas	2.57	0.73	1.75
Hartanah	5.34	6.00	7.82
Utiliti	6.33	6.37	6.09
Jumlah	78.83	73.58	77.61
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah	0.10	0.10	0.10
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	5.25	4.64	3.40
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	15.82 ¹	21.68	18.89
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota: 1. Termasuk deposit dan tunai dengan institusi kewangan (20.74%) dan akaun belum terima (0.49%) selepas ditolak akaun belum bayar (-5.41%).

2. Senarai 20 Pelaburan Terbesar yang Disebutharga Dari Segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	21.83
2	Sime Darby Plantation Berhad	10.70
3	Tenaga Nasional Berhad	4.48
4	Sime Darby Berhad	3.95
5	Axiata Group Berhad	2.96
6	Maxis Berhad	2.18
7	Petronas Chemicals Group Berhad	2.15
8	Sime Darby Property Berhad	1.78
9	Digi.Com Berhad	1.72
10	CIMB Group Holdings Berhad	1.63
11	UMW Holdings Berhad	1.41
12	Telekom Malaysia Berhad	1.11
13	S P Setia Berhad	1.02
14	Kuala Lumpur Kepong Berhad	1.00
15	IHH Healthcare Berhad	0.94
16	Petronas Gas Berhad	0.94
17	IOI Corporation Berhad	0.89
18	MISC Berhad	0.86
19	Sapura Energy Berhad	0.76
20	Velesto Energy Berhad	0.72

Nota: Bagi perkara (2) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

B. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2019	2018	2017
Unit Dalam Edaran (Juta)	167,159	155,879	145,903
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	5.00	6.50	7.00
Bonus (sen seunit) ¹	0.50	0.50	0.25
Bonus Khas (sen seunit) ²	-	-	1.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	8,136.74	9,837.45	10,177.99
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2020	1 Januari 2019	1 Januari 2018
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ³	0.40	0.40	0.42
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ⁴	0.21	0.20	0.22

Nota:

1. Bonus dibayar berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
2. Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.
3. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Tiada perubahan antara NPP dari 31 Disember 2018 hingga 31 Disember 2019.
4. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP dari 31 Disember 2018 hingga 31 Disember 2019 adalah tidak ketara.

C. PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM 8,136.74 Juta untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 5.00 sen seunit. Pada masa yang sama, PNB telah mengagihkan bonus sebanyak 0.50 sen seunit bersamaan RM 811.23 Juta kepada para pelabur bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

Sumber Pendapatan

Perbandingan sumber pendapatan ASB bagi tempoh 3 tahun adalah seperti berikut:

Sumber Pendapatan	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (RM Juta)		
	2019	2018	2017
Pendapatan daripada Deposit Instrumen Kewangan	1,546.14	1,657.64	1,643.32
Pendapatan Dividen	4,465.23	4,854.89	4,454.62
Keuntungan Ternyata Bersih daripada Jualan pelaburan	1,725.11	4,365.71	4,672.22
Kerugian bersih kadar tukaran asing	(29.89)	(9.24)	0.42
Jumlah Pendapatan	7,706.59	10,869.00	10,770.16

Sumber pendapatan ASB diperolehi dari pendapatan daripada deposit instrumen kewangan, dividen kasar syarikat-syarikat pelaburan serta keuntungan ternyata dari jualan pelaburan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal.

D. PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	Pada 31 Disember 2019		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	5.00	6.17	6.50
Bonus (%) ²	0.50	0.42	0.45
Bonus Khas (%) ³	0.00	0.33	0.20
Penanda Aras (%) ⁴	3.10	3.30	3.43

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan t = tahun semasa
 - Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
 - Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$
- Bermula tahun 2017, bonus dibayar berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
- Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.
- Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaharu.

E. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2019	2018	2017	2016	2015
Jumlah Pulangan Tahunan (%) ¹	5.00	6.50	7.00	6.75	7.25
Bonus (Sen seunit) ²	0.50	0.50	0.25	0.50	0.50
Bonus Khas (Sen seunit) ³	-	-	1.00	-	-
Penanda Aras (%) ⁴	3.10	3.35	3.44	3.41	3.84

Sumber: Novagani Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
2. Bagi tahun 2015 dan 2016, bonus dibayar kepada pemegang unit (jika ada) berdasarkan kepada purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 10 tahun sebelumnya. Bermula tahun 2017, bonus dibayar berdasarkan purata BMB selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
3. Bonus khas dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2017, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 10,000 unit sahaja.
4. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaharu.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

F. PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

G. SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

H. DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garispanduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies" dan disemak semula serta diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

I. KOMISIYEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

III. LAPORAN PENGURUS

A. PENCAPAIAN OBJEKTIF TABUNG

ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

B. POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASB adalah melabur dalam portfolio kelas aset yang pelbagai terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASB. ASB boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Tabung (Value of Fund) dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walaubagaimanapun, ASB boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung ASB juga dibenarkan untuk melabur dalam pelaburan asing sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan matawang disamping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

C. STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, ASB telah melaksanakan perumpukan aset antara ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan tunai yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif tabung tercapai. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap dan tunai untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

i. Ekuiti

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, tabung ASB telah menggunakan strategi gabungan antara nilai dan pertumbuhan bergantung pada situasi pasaran.

a) Domestik

Pelaburan tabung ASB dalam ekuiti domestik tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah. Pada masa yang sama, memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi bagi mengekalkan prestasi tabung dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor produk pengguna & perkhidmatan, sektor tenaga, amanah pelaburan hartanah (Real Estate Investment Trust, REIT) dan perladangan. Pelaburan di dalam sektor-sektor tersebut membolehkan ASB mencapai pulangan yang lebih daripada apa yang dicatatkan oleh penanda aras tabung ini. Di samping itu, pengurus tabung juga mencari

peluang untuk menjual saham-saham yang diniagakan di paras harga wajar untuk menjana pulangan modal untuk membantu meningkatkan prestasi and pulangan tabung.

b) Antarabangsa

Selaras dengan Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik (Strategic Asset Allocation Framework, "SAA"), ASB telah membuat pelaburan dalam pasaran antarabangsa sehingga 4% daripada nilai aset bersih dalam usaha menjana pulangan yang lebih kompetitif. Pelaburan antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor seperti teknologi maklumat, kepenggunaan dan kesihatan yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah serta kadar pertumbuhan pendapatan yang baik. Selain itu, pelaburan di pasaran antarabangsa juga melibatkan beberapa pasaran utama antarabangsa seperti di pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia bagi mempelbagaikan pelaburan antarabangsa.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, ASB telah berusaha meningkatkan pulangan tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap yang memberi perolehan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan. Dana ASB mengekalkan tahap pelaburan sebanyak 5% dalam pelaburan bon daripada nilai aset bersih.

Antara pembelian sekuriti berpendapatan tetap termasuklah terbitan bon korporat oleh Malayan Banking Berhad (AA1), Danum Capital Berhad (AAA), Projek Lintasan Sungai – Besi Ulu Klang Sdn Bhd (A1), PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (tanpa penarafan) dan CIMB Group Holdings Berhad (AA1). Selain bon korporat, ASB juga turut melabur di dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GII) yang mempunyai kecairan yang lebih tinggi berbanding bon korporat di samping menjana keuntungan modal. Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap yang dipegang adalah 4.7%, manakala purata penarafan kredit adalah "AA2".

Pelaburan Tabung ASB dalam pasaran wang membolehkan tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

D. ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, penanda aras utama pasaran tempatan iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak 6.0% untuk ditutup pada paras 1,589 mata pada 31 Disember 2019 dari paras 1,690 pada 31 Disember 2018. Paras tertinggi indeks iaitu 1,730 telah dicatatkan pada 21 Februari 2019, manakala paras terendah indeks iaitu 1,551 telah dicatatkan pada 9 Oktober 2019. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi turun naik pasaran adalah pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan, perang dagang yang berpanjangan antara Amerika Syarikat dan China serta prestasi keuntungan korporat yang kurang memberangsangkan yang telah menyebabkan pengeluaran pelaburan dana asing sebanyak RM11.1 billion sepanjang tempoh tinjauan.

Selaras dengan penurunan FBM KLCI, sektor utama tempatan seperti sektor kewangan dan sektor produk perindustrian & perkhidmatan telah mencatatkan penurunan sebanyak (-10.6%) dan (-7.9%). Namun, sektor tenaga telah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak (+51.3%) didorong oleh peningkatan harga minyak mentah sebanyak 23% berikutan pengurangan pengeluaran minyak mentah oleh negara-negara OPEC (The Organization of the Petroleum Exporting Countries) pada tahun 2019. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Public Bank Berhad (-19.0%), Petronas Chemical Group Berhad (-18.0%) dan Top Glove Corporation Berhad (-13.9%). Sementara itu, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif adalah MISC Bhd (+29.9%), Sime Darby Plantation Berhad (+14.9%) dan Dialog Group Berhad (+12.2%).

Walaubagaimanapun, pasaran saham antarabangsa telah mencatatkan prestasi positif didorong oleh jangkaan penurunan Kadar Dana Persekutuan oleh Amerika Syarikat ("The Federal Reserve"), kestabilan pertumbuhan ekonomi di negara China, serta pengurangan risiko berkaitan dengan perang dagangan di antara dua kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan China. Indeks komposit utama antarabangsa seperti Morgan Stanley All-Country World Islamic Index (MSCI ACWI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak (+19.7%), dan US (\$&P500) mencatatkan kenaikan tertinggi sebanyak (+28.9%), diikuti oleh Kesatuan Eropah (Stoxx 50) sebanyak (+24.8%), Taiwan (TWSE) sebanyak (+23.3%), Australia (AS51) sebanyak (+18.4%) dan juga Jepun (TPX) sebanyak (+15.4%) sepanjang tempoh tinjauan.

Di rantau ASEAN, semua indeks utama serantau mencatatkan peningkatan, dengan prestasi terbaik dari Singapura (STI) dengan peningkatan sebanyak +5.0%, diikuti Filipina (PSEI) +4.7%, Indonesia (JCI) +1.7% dan Thailand (SET) +1.0% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah mengukuh sebanyak 1.0% untuk ditutup pada paras RM4.0910/USD pada 31 Disember 2019 berbanding RM4.1335/USD pada 31 Disember 2018. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras tertinggi RM4.0610/USD pada 21 Mac 2019, manakala paras terendah adalah RM4.2203/USD pada 3 September 2019. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh jangkaan penurunan Kadar Dana Persekutuan oleh Amerika Syarikat dan pemulihan harga komoditi utama Malaysia seperti minyak sawit dan minyak mentah.

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% pada suku ketiga 2019 berbanding 4.9% pada suku kedua 2019. Penurunan ini disebabkan oleh faktor luaran di mana ekonomi Malaysia turut terkesan secara tidak langsung oleh persekitaran mencabar berikutan kelembapan perdagangan global. Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal di antara 4.3% hingga 4.9% pada tahun 2019.

E. ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tempoh tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% daripada kadar 3.25% pada bulan Mei 2019 berikutan risiko penurunan terhadap pertumbuhan daripada ketidaktentuan dalam persekitaran global dan domestik. Dengan pengurangan OPR ini, kadar antara bank menjadi lebih rendah dan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3-bulan menurun daripada 3.69% kepada 3.35% manakala kadar simpanan tetap 12-bulan untuk Maybank telah turun daripada 3.35% kepada 3.10%.

Ini diikuti oleh pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 50 mata asas kepada 3.00% berkuatkuasa 16 November 2019. Keputusan untuk mengurangkan SRR pula bertujuan untuk mengekalkan kecairan yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik. Dengan cara ini, ia akan memudahkan pengurusan kecairan yang berkesan oleh institusi perbankan dengan menggalak institusi kewangan memberi pinjaman untuk mengembangkan aktiviti ekonomi tempatan. Secara tidak langsung ia juga memberi rangsangan terhadap pasaran bon.

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun berlaku volatiliti untuk tempoh tertentu yang dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan global. Selain itu, pada bulan April 2019, laporan mengenai kemungkinan komposisi bon Malaysia dalam Indeks FTSE Russell akan dikeluarkan turut menjejaskan aliran pegangan asing dalam pasaran bon domestik. Ini telah menyebabkan pengaliran keluar portfolio bukan pemastautin sebanyak RM1.5 billion pada suku kedua. Pelabur tempatan mengambil kesempatan ini dengan membeli sekuriti kerajaan pada kadar yang menarik justeru menyokong kuat pasaran bon tempatan.

Walaubagaimanapun, pada 26 September, berikutan kajian terbaru, FTSE Russell memutuskan bon Malaysia kekal dalam indeks sehingga kajian semula seterusnya pada Mac 2020. Perkembangan ini telah memberi kesan positif dimana pelabur asing telah kembali menyokong pasaran bon Malaysia. Sepanjang tahun 2019, pelabur asing menambah pegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) kepada 41.6% berbanding 38.4% pada Disember 2018, iaitu penambahan sebanyak 3.2 mata peratusan atau RM17.7 bilion (2018: aliran keluar bersih sebanyak RM18.3 bilion).

Ketidaktentuan pasaran global disebabkan oleh perang perdagangan US-China dan Brexit telah menyumbang ke arah prestasi tinggi pasaran bon seluruh dunia termasuk Malaysia. Pergerakan kadar hasil, yang berkorelasi songsang dengan harga bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) secara keseluruhan telah menurun sepanjang tahun kewangan. Kadar hasil MGS untuk 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 3.01%, 3.18% dan 3.31%, masing-masing jatuh sebanyak 61, 60 dan 77 mata asas bagi tempoh tersebut.

Dalam pasaran bon korporat pula, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah sejajar dengan sekuriti kerajaan. Permintaan terhadap bon korporat amat tinggi terutama bagi bon-bon sokongan kerajaan (Government Guaranteed, GG) serta bon korporat dengan penarafan AAA dan AA.

F. STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tempoh 12 bulan akan datang iaitu tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Pengurus Tabung ASB menjangkakan pasaran saham Malaysia serta antarabangsa akan kekal mencabar dipengaruhi oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih sederhana serta ketidaktentuan perkembangan situasi geopolitik dunia. Pertumbuhan ekonomi negara dan global dijangka terjejas akibat penularan wabak coronavirus (COVID-19) di China yang mencetuskan kebimbangan dan keyakinan pelabur. Ekonomi Malaysia pula telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.6% pada suku keempat 2019 (2018: 4.7%) yang merupakan terendah sejak 2009. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan mengumumkan pakej rangsangan pada Februari 2020 bagi meningkatkan ekonomi dan keyakinan pelabur. Namun, strategi pelaburan ASB akan memberi tumpuan dalam kepelbagaian portfolio meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai yang dijangka dapat memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

i. Ekuiti

Bagi 12 bulan seterusnya, strategi pelaburan ekuiti domestik akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai fundamental dan asas perniagaan yang kukuh disamping memberikan pulangan dividen yang stabil. Namun, pelaburan ekuiti akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu dan mencabar. Selain itu, tabung ASB juga akan menumpukan pelaburan kepada sektor yang berorientasi domestik. Antara sektor yang diberi tumpuan adalah sektor produk pengguna & perkhidmatan yang bercirikan defensif serta konsisten dalam pembayaran dividen serta sektor perladangan berikutan jangkaan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Selain itu, tabung turut memberi tumpuan kepada sektor pembinaan yang dijangka mendapat manfaat daripada projek infrastruktur yang diteruskan oleh kerajaan. Pengurus tabung juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

Di samping itu juga, pengurus tabung akan mempelbagaikan portfolio ekuiti dengan meningkatkan secara berkala, pelaburan saham antarabangsa bagi memastikan tabung terus kekal memberikan pulangan yang kompetitif. Pelaburan antarabangsa juga akan dibuat secara selektif berdasarkan analisa yang mampan dan juga akan menumpukan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh serta dijangka mempunyai pertumbuhan pendapatan yang utuh disamping diniagakan di bawah harga yang wajar. Pengurus tabung juga akan memberikan perhatian kepada pasaran negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah di dalam sektor-sektor seperti teknologi maklumat, kesihatan dan kepenggunaan. Namun, peluang pelaburan jangka masa panjang turut dilihat di negara-negara membangun seperti Korea Selatan dan Taiwan di dalam sektor seperti teknologi maklumat.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Sokongan dan permintaan tinggi terhadap pasaran bon tempatan khususnya sekuriti kerajaan Malaysia dijangka kekal berterusan memandangkan ekonomi berada di landasan yang stabil.

Pasaran bon korporat, dijangka akan kekal positif pada tahun 2020 memandangkan persekitaran kadar faedah dijangka kekal rendah. Ini menggalakkan syarikat-syarikat membuat terbitan bon korporat baru untuk tujuan pembiayaan operasi, projek baru atau pengstruktur semula hutang kepada kadar yang lebih rendah. Permintaan untuk bon korporat dijangka akan kekal kukuh disebabkan oleh bekalan bon korporat yang berkualiti dan tahap kecairan yang mencukupi.

ASB akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap domestik dan juga akan mula melabur di pasaran global bermula tahun ini bagi tujuan mempelbagaikan aset dalam portfolio dan juga mengambil peluang perdagangan yang dapat menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada pelabur.

Pelaburan-pelaburan ini dibuat dengan pemilihan instrumen - instrumen yang bermutu seperti bon-bon kerajaan, bon korporat jangka masa sederhana dan sekuriti Islam berpendapatan tetap, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASB. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi menyediakan mudah tunai untuk kegunaan harian.

IV. PENYATA PENGURUS

Kepada Suruhanjaya Sekuriti

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA, "ASB"

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2019, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 19 FEBRUARI 2020.

TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Pengerusi

ENCIK ABDUL JALIL BIN ABDUL RASHEED

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

19 Februari 2020

V. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Suruhanjaya Sekuriti

AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA, "ASB"

Kami, AmanahRaya Trustees Berhad telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Pada pendapat kami, AMANAHA SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan AMANAHA SAHAM BUMIPUTERA.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

HABSAH BINTI BAKAR

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
19 Februari 2020

VI. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah")

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2019, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 20 hingga 32.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) disesuaikan mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRSs) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards - IFRSs). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalam berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

Dalam menyediakan penyata kewangan Unit Amanah, Pengurus adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Unit Amanah untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Unit Amanah atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini. Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

